

Usahawan tani gigih di kampus

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

MAHASISWA dalam bidang pertanian sudah biasa berpeluh kerana berjemur di bawah panas terik matahari, bergelumang dengan tanah dan pakaian yang comot.

Namun, itu bukan halangan bagi memenuhi keperluan pengajian dengan harapan bakal bergelar usahawan tani pada masa depan.

Pengalaman itu dirasai 110 mahasiswa pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berpeluang menyertai Pertandingan Tunas Usahawan Tani 2012.

Pertandingan itu ialah kursus wajib di bawah Jabatan Perniagaan Tani dan Akuakultur yang bermatlamat mendedahkan mahasiswa kepada suasana sebenar perniagaan tani tempatan.

Mahasiswa diberi tugas melaksanakan beberapa projek seperti penanaman jagung, penternakan ayam kampung, penanaman rock melon secara fertigasi dan akuakultur.

Berbekalkan modal universiti, mahasiswa dibimbing pensyarah keusahawanan, pakar rujuk, pegawai sokongan teknikal dalam bidang berkenaan bagi menjalankan projek usahawan masing-masing selama empat bulan.

Bagi Muhammad Hafiz Maslan Malik, pendedahan sepanjang pertandingan cukup mematangkan dirinya untuk menghadapi cabaran bergelar usahawan tani apabila menamatkan pengajian kelak.

Beliau yang menjalankan projek penanaman rock melon secara fertigasi menjelaskan, pengisian program padat dengan maklumat berguna bermula dengan proses penyemaian benih, pembajaan,



KUMPULAN Rock Melon Group memenangi Pertandingan Tunas Usahawan Muda mahasiswa Pertanian di UPM.



MUHAMMAD NASRUL HAZLI (kiri) dan Iffatul Aria Yusop wakil kumpulan Rock Melon.

pengeluaran hasil dan pemasaran.

"Berkalik modal RM1,000, saya dan rakan memulakan projek dengan membeli benih, baja dan racun. Kami kemudian menyusun jadual tugas bagi setiap ahli melaksanakan tugas masing-masing bagi memastikan kelancaran projek."

"Penanaman menggunakan teknik fertigasi memerlukan kemahiran kerana jika tidak kena caranya, tanaman tidak mendatangkan hasil yang diinginkan," katanya.

Banyak perkara yang beliau belajar dan pengalaman sepanjang pertandingan itu cukup menarik dan menguatkan semangatnya untuk terus bergiat aktif dalam bidang pertanian.

"Saya dan beberapa rakan sepakat untuk meneruskan projek penanaman rock melon

dan berhasrat mengembangkan projek ini sebagai perniagaan tani pada masa depan memandangkan pulangannya cukup baik.

"Kami akan menggunakan kemudahan yang ada di ladang UPM dan saya yakin potensi kerjaya dalam bidang usahawan tani mampu membawa saya dan rakan maju ke depan tanpa terlalu memikirkan kerjaya makan gaji," katanya.

Pada akhir projek, setiap kumpulan diberi peluang menjual hasil masing-masing menerusi karnival gerai jualan mini yang berlangsung di Fakulti Pertanian.

Hasil jualan digunakan bagi membayar balik pinjaman modal manakala keuntungan diagihkan kepada setiap ahli kumpulan.

Dalam pertandingan itu, Muhammad Hafiz yang menerajui Kumpulan Rumah Teduhan 2 menjuarai kategori tanaman rock melon selain muncul juara keseluruhan pertandingan.

Juara kategori ladang tanaman, ternakan ikan dan ayam kampung masing-masing diraih Kumpulan Ladang Tanaman 3 diketuai Mohd Azri Abd Aziz, Kumpulan Kolam 1 (Rosnan Ab Rahman) dan Kumpulan Reban 3 (Mohd Nasir Abdul Ani).

Juara setiap kategori meraih RM500 dan sijil penyertaan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli, berkata pertandingan itu mampu memberi pengalaman praktikal mengenai kaedah pengurusan ladang sebenar.

Pada masa sama, katanya, projek itu turut menilai kebolehan mahasiswa mengawal mikroekonomi pengurusan ladang bagi mengoptimum keuntungan selain peluang menggunakan ilmu pemasaran dalam skala kecil.



Berbekalkan modal RM1,000, saya dan rakan memulakan projek dengan membeli benih, baja dan racun. Kami kemudian menyusun jadual tugas bagi setiap ahli melaksanakan tugas masing-masing bagi memastikan kelancaran projek 99

**Muhammad Hafiz
Maslan Malik**
Peserta